

ABSTRAK

Aktiviti ekonomi orang Melayu kini telah menelusuri satu perubahan yang positif lagi membanggakan di mana orang-orang Melayu telah pun mula memenuhi sektor ekonomi moden seperti perniagaan. Justeru pandangan dunia Melayu juga turut berubah seimbang dengan pemodenan dan pembangunan masyarakat lebih-lebih lagi di kawasan perbandaran. Konsep rezeki, berkat dan riba yang bersifat Quranik merupakan titik-tolak utama yang menjadi paksi dalam perniagaan. Konsep malu dilihat sebagai satu tembok penghalang kepada peniaga-peniaga Melayu daripada terjebak dengan perbuatan yang mengaibkan atau menjatuhkan maruah diri seperti berurus niaga dengan syarikat kewangan yang tidak diawasi oleh pihak kerajaan atau pihak yang bertanggung jawab. Sistem perbankan secara Islam, peranan rakan kongsi dan penaung adalah di antara penggerak kegiatan perniagaan orang Melayu di kawasan kajian. Peniaga-peniaga Melayu yang berpendidikan sekular dan agama telah menjadikan konsep-konsep tersebut sebagai pedoman dalam menjalani aktiviti perniagaan. Perbincangan tentang ekonomi Melayu dan pandangan dunianya, tidak terlepas daripada tunjang agamanya iaitu Islam. Seiring dengan matlamat Islam yang sejahtera sebagai satu ad-Din Kajian yang dilakukan di kawasan perbandaran ini menjelaskan bahawa pandangan dunia Melayu juga mengalami satu gelombang baru yang mensasarkan perniagaan makanan sebagai aktiviti ekonomi yang terancang dalam pengurusannya. Hasil dapatan kajian menunjukkan anjakan paradigma yang berlaku di kalangan peniaga-peniaga Melayu menjadi satu petanda baik bahawa sektor perniagaan Melayu boleh berkembang tanpa kekangan lingkungan adat dan budayanya.

ABSTRACT

The Malay economy has undergone a positive change whereby they have ventured into the modern economy such as business. This change is particular evident in the Malays' changing perspective on modernization and social development in the suburbs or town. However, the Quranic concept of rezeki, berkat and riba have been the focal point in business conducted by Malays. Malay businessman have hindered themselves from acts of shame. The concept of shame has often been seen as one of the determining factors that deter Malay businessman from convulging in unethical activities when dealing with financial institutions, eventhough such activities are not monitored by the government or the relevant authorities. The Islamic Banking system's role as partner as well as patron to Malay businessman activities is seen as a key to the current success of the Malay economy. Malay businessman with secular or religious education have embraced this concept as guidance in their business activities. Discussion on the Malay economy and the global perspective have not swayed from the fundamentals of Islam. This is in line with the objectives of Islam being Addin. Studies conducted in the particular township clearly show that the Malay global perspective has endured a new wave which targets, specifically the food industry a well-managed economic activity. These studies have also shown that the paradigm shift in the Malays business sector can progress without the restriction of tradition and culture.